

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : MAJLIS CERAMAH MAKAN TENGAHARI ANJURAN PERKUMPULAN WANITA
BERNAMA
Location : KELAB PERDANA, KUALA LUMPUR
Date : 15-02-1986

Yang Berbahagia Puan Norma Ahmad Mustafa, Ketua Perkumpulan Wanita BERNAMA;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Penganjur;

Puan-puan yang dimuliakan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Perkumpulan Wanita BERNAMA kerana menjemput saya ke majlis ceramah makan tengahari ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Perkumpulan ini yang telah berusaha menganjurkan ceramah atas tajuk 'Peranan Wanita Dan Ibubapa Dalam Memerangi Dadah'.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, masalah penyalah-gunaan dadah ini merupakan masalah negara, bahkan ianya telah diisytiharkan sebagai musuh utama negara kita. Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menghapuskan masalah ini. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menyerahkan tugas berat memerangi masalah penyalah-gunaan dadah ini kepada Kerajaan semata-mata. Kita semua adalah bertanggungjawab untuk membantu Kerajaan.

Memang benar sudah terdapat badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang telah bergerak cergas membantu Kerajaan dalam hal ini tetapi banyak lagi usaha yang mesti dibuat dan ini memerlukan penglibatan yang lebih menyeluruh daripada semua pihak.

3. Saya amat berbesar hati dengan kesedaran yang telah ditunjukkan oleh Perkumpulan Wanita BERNAMA dalam usaha-usaha pencegahan dadah di negara ini. Usaha seumpama ini adalah amat baik memandangkan masalah ini tidak akan dapat diatasi tanpa sokongan dan kerjasama dan juga penglibatan daripada semua pihak, khususnya pertubuhan-pertubuhan sukarela di negara ini. Oleh itu adalah diharapkan pertubuhan-pertubuhan ini akan dapat meningkatkan lagi usaha dan kegiatannya dalam pencegahan dadah ini.

4. Penglibatan agensi-agensi Kerajaan dan juga swasta amat diperlukan supaya kegiatan kita berjalan serentak dari semua sudut dan supaya usaha-usaha kita berkesan. Usaha-usaha seperti mengadakan ceramah, seminar dan sebagainya yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu di masa lalu telah membincang dan mengenali langkah-langkah yang perlu diambil bagi memerangi wabak dadah ini. Adalah difikirkan bahawa rumusan-rumusan daripada usaha-usaha seperti ini perlulah disalurkan ke peringkat negeri dan seterusnya ke kampung-kampung, supaya usaha ini akan menjadi satu usaha yang bersepadu dan memberi kesan. Dengan itu saya berharap agar Perkumpulan ini akan meneliti rumusan-rumusan daripada ceramah yang diadakan ini demi kepentingan negara dalam usaha pambanterasan masalah penyalah-gunaan dadah.

Puan-puan sekalian,

5. Perangkaan daripada bilik gerakan anti dadah kebangsaan yang terakhir, dikeluarkan pada bulan Disember tahun lalu menunjukkan jumlah penagih-penagih dadah baru yang dikesan dari bulan Januari hingga November, 1985 ialah lebih daripada 5,000 orang. Gambaran yang menyedihkan daripada perangkaan ini ialah peratus belia yang terlibat -- sebanyak 62.7 peratus daripada penagih ini terdiri daripada mereka yang dalam lingkungan umur 20 hingga 29 tahun, 9.7 peratus antara 15 dan 19 tahun dan sebanyak 0.9 peratus daripada jumlah penagih adalah terdiri daripada penuntut sekolah.

6. Perlu juga difahami bahawa jumlah penagih yang didaftarkan di pusat-pusat pemulihan tidak menggambarkan keadaan jumlah penagih yang sebenar kerana adalah dipercayai bagi setiap seorang penagih yang mendaftarkan diri untuk rawatan, beberapa orang lagi kawan atau kenalannya yang tidak

berbuat demikian. Dari keadaan sosial mereka nyata bahawa kumpulan yang paling kuat menerima tekanan supaya melibatkan diri dalam perbuatan menyalah-gunakan dadah adalah terdiri daripada belia dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun, terdiri daripada kanak-kanak sekolah yang mempunyai pergaulan yang luas di luar rumah, mereka yang baru mula bekerja dan anak-anak yang belum mendapat kerja.

Golongan ini menghadapi apa yang dikatakan 'peer-pressure' atau mengikut-ikut apa yang kawan mereka buat.

7. Untuk memerangi peer-pressure yang dihadapi oleh anak-anak kita adalah perlu bagi ibubapa juga mewujudkan peer-pressure mereka sendiri. Perlu ditekankan kepada anak-anak kita bahawa yang kawan-kawan mereka buat dalam hal dadah ini adalah salah. Satu cara yang berkesan ialah bagi ibubapa bersatu dalam kumpulan atau pertubuhan di mana masalah dadah boleh dibincang dengan cara terbuka dan ancaman terhadap anak-anak dapat dikenal-pasti sebelum terlambat. Kumpulan atau pergerakan seperti ini selain dari dapat digunakan sebagai satu saluran membincangkan bahaya yang akan menimpa, juga boleh memberi pertolongan dan sokongan moral kepada ibubapa yang telah menghadapi masalah di mana anak-anak mereka terlibat dengan dadah.

8. Ramai ibubapa yang pernah mengalami masalah dadah dalam rumah sendiri perlukan pertolongan, sekurang-kurangnya perlu mempunyai kawan tempat mengadu hal dan meminta nasihat. Ada ibubapa tidak dapat menerima kenyataan bahawa anak-anak mereka terlibat dengan dadah dan akan bertindak dengan cara yang boleh memburukkan keadaan -- mungkin dengan cara menyembunyikan perkara tersebut kerana perasaan malu, atau terus menghalau anak-anak keluar dari rumah. Perbuatan seperti ini akan merosakkan terus kehidupan anak-anak sedangkan dalam keadaan kesusahan anak-anak perlukan bimbingan dan sokongan ibubapa. Tetapi ibubapa hanya dapat memberikan pertolongan yang diperlukan jika mereka memahami masalah yang dihadapi. Dengan cara memahaminya iaitu dengan mengadakan perbincangan terbuka dalam kumpulan-kumpulan khas, seperti melalui persatuan ibubapa dan guru atau melalui PUSPANITA.

9. Kumpulan-kumpulan seperti ini boleh meminta pertolongan dari berbagai pertubuhan yang ada yang ditubuhkan khas untuk memerangi dadah. Dalam keadaan sekarang terdapat ibubapa yang kurang mengambil berat bahaya dadah kepada anak-anak mereka, kerana seperti bahaya lain, kita sering memikirkan perkara ini tidak akan berlaku kepada kita.

Sikap seperti ini tidak harus diteruskan kerana kita mesti ingat bahawa dalam perkara yang mengancam keselamatan anak-anak kita, ada kemungkinan bahawa 'hari ini anak si anu, hari esok anak sendiri'.

10. Ibubapa yang bersatu merupakan kumpulan yang paling berkesan sebagai satu kuasa untuk memerangi dadah, kerana ibubapalah yang paling rapat hubungannya dengan anak-anak, terutama dengan anak-anak yang masih bersekolah.

Kita juga perlu menyedari bahawa ibubapa mempunyai tanggungjawab utama dalam menjaga keselamatan anak-anak dan menjamin hidup yang sempurna untuk mereka.

11. Dalam soal memerangi dadah, Kerajaan memang mengambil peranan yang utama, seperti mengadakan kempen-kempen anti-dadah dan mengeluarkan perbelanjaan yang besar dalam usaha pemulihan penagih. Pada masa ini Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya merawat dan memulih penagih dadah di pusat-pusat pemulihan dan memberi rawatan lanjutan apabila mereka kembali menjadi penagih. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan tidak akan memberi makna sekiranya ibubapa tidak memainkan peranan sendiri dengan berusaha mencari jalan mencegah anak-anak mereka daripada terlibat. Ibubapa dan masyarakat pada keseluruhannya juga perlu memberi sokongan dan bimbingan kepada bekas penagih supaya mereka tidak kembali semula ke jalan yang salah setelah mendapat rawatan. Di sini pendidikan rohaniah serta sikap positif mestilah ditanamkan di kalangan anak-anak kita.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke Majlis ini.

Saya berharap ceramah ini akan melahirkan pandangan-pandangan dan idea-idea baru yang bernas dan berkesan dalam usaha kita memerangi ancaman dadah dalam masyarakat kita.

Terima kasih.